



- Foto FB Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



- Foto FB Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

# 11 penyelidikan bina Malaysia bebas rasuah dibentang 18, 19 September ini

Ilaah Hafiz Azizi

KUALA LUMPUR: Sebanyak 10 institusi pengajian tinggi awam (IPT) akan mempersembahkan 11 tajuk penyelidikan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk dibahas sebagai perancangan bagi membina Malaysia yang berintegriti, tatakelola mantap, bebas rasuah dan sejahtera.

Penyelidikan itu akan dibentangkan dalam Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan (GIAR) ke-4 yang dianjurkan Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN) SPRM pada 18 hingga 19 September ini.

Antara IPT yang mendapat geran penyelidikan itu adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Pengarah Kanan BPGN, Datuk Idris Zaharudin, berkata ia akan berperanan sebagai wadah utama untuk memperkasa perkongsian dapatan penyelidikan dalam konteks tatakelola, integriti dan antirasuah.



Pengarah Kanan BPGN, Datuk Idris Zaharudin.

Katanya, program bertemakan 'Pembanterasan Rasuah: Bertunjangkan Tatakelola Baik dan Pembudayaan Integriti' akan menjadi medan perbincangan isu-isu semasa berkaitan risiko rasuah, pelanggaran integriti serta kelemahan tatakelola yang perlu ditambah baik.

"Ia bukan sekadar persidangan biasa, tetapi ia menjadi suatu platform penyampaian secara terbuka kepada semua pemegang taruh yang berkaitan dengan tajuk-tajuk dibentangkan untuk mereka mengambil cakna sekiranya terdapat syor penambahbaikan yang berguna untuk diterapkan di agensi masing-masing.

"Sehingga kini, tiada persidangan seumpama ini dilaksanakan oleh mana-mana agensi untuk menunjukkan secara telus penyelidikan yang dilaksanakan secara kerjasama antara SPRM dan institusi penyelidikan mampu memberikan keyakinan tinggi kerana kajian yang dijalankan bukan hanya berdasarkan persepsi, sebaliknya membabitkan kajian lapangan bersama responden dengan metodologi khusus sehingga diiktiraf sebagai sah (valid) dan boleh dipercayai (reliable)," katanya di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Idris berkata, hasrat dan objektif asal pemberian geran kepada institusi penyelidikan ini mencapai matlamatnya dalam memperkuuh serta mencadangkan pembaharuan bagi pembangunan dasar negara, sama ada dari segi perundangan, penyampaian perkhidmatan mahupun aspek lain yang berkaitan.

"Hasil dapatan penyelidikan yang dicadangkan dalam kertas penyelidikan seterusnya akan diangkat ke peringkat lebih tinggi untuk dipertimbangkan dalam proses penggubalan dasar negara, membabitkan aspek governans, integriti dan antirasuah, antaranya melalui platform Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) dan Jawatankuasa Tatakelola Nasional (JTK) peringkat kebangsaan," katanya.

Beliau berkata, persidangan penyelidikan itu juga adalah agenda tahunan SPRM, dengan impaknya yang terbukti mendapat kepercayaan serta keyakinan tinggi daripada Kementerian Kewangan dalam meluluskan peruntukan kewangan dan pemberian geran kepada penyelidik.